

Pendedahan mentor naikkan semangat

metro 17/12/06

>>Oleh **FUAD HADINATA**
YAACOB

hadinata@hmetro.com.my

SHAH ALAM: "Sebelum ini, saya tidak minat langsung untuk menceburi dunia perniagaan meskipun ayah ada perniagaan sendiri, tetapi selepas dua hari di sini, semuanya berubah, salon kecantikan, spa dan restoran sudah ada dalam kepala," kata Norlaila Abu Bakar, 20, salah seorang peserta Khemah Keusahawanan Siswa (KKS) 2006.

Norlaila, penuntut Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis), berkata pengalaman dan pendedahan usahawan yang juga mentor berjaya menaikkan semangat sekali gus menimbulkan minatnya untuk bergelar usahawan berjaya satu hari nanti.

Penuntut Tahun Akhir Pengurusan Perniagaan Kuis itu ditemui dalam program KKS 2006 di Universiti Tek-

nologi Mara (UiTM), di sini, semalam.

Program tiga hari anjuran Dewan Muda Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Selangor (DPMMS), Institut Keusahawanan Negara (Inskan) dan UiTM itu dirasmikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Turut hadir, Pengerusi DPMMS, Sohaimi Shahan; Pengarah Inskan, Kamariah Yeop dan Timbalan Naib Canselor (Akademik) UiTM, Prof Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar.

Program disertai kira-kira 400 penuntut dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta itu bertujuan mendidik dan membimbing graduan untuk menceburi dunia keusahawanan.

Penuntut Diploma Ekonomi Tahun Tiga Kuis, Abdul Halim Sapar, 21, berkata KKS 2006 bukan saja mem-

buka minda tetapi memberi laluan kepada mereka mengenali pelbagai jenis perniagaan.

"Sebelum ini, saya tiada pengetahuan mengenai dunia perniagaan dan melalui program ini, banyak ilmu diperoleh terutama daripada mereka yang berpengalaman. Malah, bukan saja minat bercambah tetapi saya berazam selepas tamat belajar, mahu terus buka perniagaan walaupun secara kecil-kecilan," katanya.

Nor Adila Abd Rahman, 20, penuntut Tahun Dua Diploma Sains, Inpens International College (Inpens), berkata pertemuan bersama mentor memberi banyak pengalaman bermakna yang boleh dijadikan panduan.

"Seperti mentor saya, Datuk Azmin Mutam Abdul Karim, yang dikenali dalam industri minyak dan gas, pelbagai pahit manis dice-



NORLAILA... minat buka salon, spa dan restoran.

ritakan. Bukan mudah untuk berjaya namun berkat kesabaran dan keyakinannya, beliau membuktikan orang Melayu juga boleh cemerlang," katanya.

Sementara itu, Mohamad Khir dalam ucapannya berkata, sebagai generasi masa depan, graduan bertanggungjawab mewujudkan



ABDUL HALIM... buka minda untuk berniaga.

masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang produktif dan berdaya saing sekali gus meningkatkan ekuiti.

"Hari ini pemilikan ekuiti Melayu belum capai 30 peratus, hanya 18.9 peratus sekali gus menunjukkan penurunan berbanding 20.3 peratus pada 1990 apabila



NOR ADILA... kutip pengalaman mentor.

DEB (Dasar Ekonomi Baru) tamat.

"Kerana itu, menjadi tanggungjawab generasi usahawan muda Melayu dan graduan meningkatkan pembabitan mereka dalam semua sektor ekonomi sehingga mencapai tahap 30 peratus menjelang 2020," katanya.